

BENGKEL PEMANDUAN BERHEMAH SIRI 01/2017 PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2723-bengkel-pemanduan-berhemah-siri-01-2017-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 23 Nov 17 – Fleet Kenderaan Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Bengkel Pemanduan Berhemah Siri 01/17 yang berlangsung selama 2 hari iaitu bermula 22 Nov 17 hingga 23 Nov 17 bertempat di KOMATRA Pangkalan Udara Gong Kedak. Bengkel ini disertai 80 anggota dari pelbagai ketukangan dan mempunyai Lesen Memandu Kenderaan Tentera (BAT D 41).

Objektif penganjuran Bengkel Pemanduan Berhemah adalah untuk mengetahui punca atau faktor-faktor penyebab terjadinya sesuatu kemalangan jalan raya serta mendapatkan satu resolusi bagi mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan kenderaan Tentera.

Bengkel ini juga dihadiri Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM, Pegawai-pegawai kanan dan pegawai. Turut hadir sama wakil dari Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Kelantan, Puan Hanazaine binti Hanafi.

